

LAPORAN AKTIVITI BULAN NOVEMBER 2016

PUSAT INTERNET 1MALAYSIA PARIT BILAL REMBAH

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT	NOTES NOTA
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1Malaysia Parit Bilal Rembah, Pontian	
Name of event Nama acara / program	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas Membuat Video 2. Kelas ICT Warga Emas 3. Kelas ICT - Hirarki 4. Program Klik Dengan Bijak (sekolah) 5. Taklimat <i>Mobile E-Waste</i> (Sekolah) 6. Program Eksplorasi Dashboard 7. Mesyuarat Kluster Pontian 8. Program Jom Dashboard Komuniti Kluster Pontian 9. Dashboard <i>Online Puzzle</i> 10. Aktiviti Capan 	
Date & Time Tarikh & Masa	<ol style="list-style-type: none"> 1. 3/11/2016 (3.30 ptg – 5.30 ptg = 2 jam) 2. 4/11/2016 (10.30 pg – 12.00 tgh = 1 ½ jam) 3. 5/11/2016 (10.00 pg – 12.00 tgh = 2 jam) 4. 8/11/2016 (9.00 pg – 10.30 pg = 1 ½ jam) 5. 8/11/2016 (10.30 pg – 11.30 pg = 1 jam) 6. 11/11/2016 (8.30 pg – 12.30 tgh = 4 jam) 7. 21/11/2016 (9.30 pg – 1.00 tgh = 3 ½ jam) 8. 24/11/2016 (9.00 pg – 1.00 tgh = 4 jam) 9. 25/11/2016 (3.30 ptg – 4.30 ptg = 1 jam) 10. 27/11/2016 (3.00 ptg – 4.30 ptg = 1 ½ jam) 	
Location Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> - Semua aktiviti/kelas PI1M berlangsung di Bilik Latihan PI1M Parit Bilal Rembah. - Program KDB dan <i>E-Waste</i> berlangsung di Sek. Keb. Seri Bunian. 	

	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat Kluster berlangsung di PI1M Parit Bilal Rambah. - Program Jom Dashboard Komuniti Kluster Pontian berlangsung di Perpustakaan Jalur Lebar Pontian. 	
Purpose Tujuan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas membuat video bertujuan membantu peserta membuat persediaan bagi menyertai pertandingan Mencipta Video MyKomuniti Kreatif. 2. Kelas ICT warga emas bertujuan memberikan panduan asas membuka akaun ‘facebook’ serta cara-cara menggunakan setiap fungsi pada aplikasi media tersebut. 3. Kelas ICT – Hirarki bertujuan memberi tunjuk ajar cara-cara paling asas membina hirarki dengan tema ‘keluarga’ menerusi Microsoft powerpoint. 4. Program Klik Dengan Bijak bertujuan memberi panduan tentang penggunaan internet yang selamat dan berhemah kepada pelajar sekolah. 5. Taklimat <i>Mobile E-Waste</i> bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan kaedah yang betul dan bersesuaian bagi pelupusan peranti komunikasi elektronik yang telah rosak atau tidak digunakan lagi. 6. Program Eksplorasi Dashboard bertujuan memperkenal dan mempromosi aplikasi dashboard secara khusus kepada komuniti Kampung Rambah. 7. Mesyuarat Kluster Pontian bertujuan membincangkan perancangan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan serta pembahagian tugas bagi Program Jom Dashboard Komuniti Kluster Pontian yang berlangsung pada 24/11/2016. 8. Program Jom Dashboard Komuniti Kluster Pontian bertujuan memperkenal dan mempromosi aplikasi Dashboard secara meluas kepada komuniti besar penduduk Pontian termasuklah agensi swasta dan kerajaan. 9. Dashboard <i>Online Puzzle</i> bertujuan menguji kecekapan peserta menyusun dan menyelesaikan susunan puzzle bertemakan dashboard yang berselerak. 	

	10. AKtiviti capan bertujuan mengasah kreativiti dan kemahiran seni peserta membuat ukiran dan capan menggunakan warna air.	
Details of recipients Butiran Penerima	<ul style="list-style-type: none"> - Program KDB & Taklimat E-Waste= Pelajar Sek. Keb. Seri Bunian. - Mesy. Kluster = Pengurus PI1M Kluster Pontian - Program Eksplorasi Dashboard= Komuniti Rambah. - Program Jom Dashboard Komuniti= Komuniti Pontian - Kelas/Aktiviti = Komuniti sekitar Rambah, Pontian 	
Details of contribution Butir-butir berkaitan dengan aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> - Kebanyakan aktiviti adalah anjuran pusat internet Rambah sendiri kecuali mesyuarat Kluster dan Program Jom Dashboard Komuniti yang dianjurkan Kluster Pontian. 	
Benefits of the contribution Kebaikan / kelebihan aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelebihan kelas membuat video adalah bagi membantu sedikit sebanyak pelan perancangan, rakaman awal, penyediaan skrip, proses memuatnaik dan edit video kepada seorang peserta agar isi kandungannya menepati tema yang dikehendaki. 2. Manfaat kelas ICT warga emas adalah bagi membuka peluang kepada golongan ini untuk mempelajari teknologi komunikasi semasa terkini yang semakin berkembang mengikut peredaran masa. 3. Kelebihan kelas ICT – Hirarki adalah untuk mendedahkan kepada peserta tentang pembinaan hirarki dalam salah silah perhubungan dengan menggunakan aplikasi teknologi agar lebih mudah difahami. 4. Kebaikan Program Klik Dengan Bijak adalah dapat mendidik pengguna agar menggunakan internet dengan betul dan berhemah selain memberi panduan kepada mereka tentang kesan buruk penyalahgunaan internet secara tidak bertanggungjawab. 	

	<p>5. Taklimat <i>Mobile E-Waste</i> bermanfaat dalam mendidik pengguna tentang perlunya melupus bahan elektronik secara betul selain membantu menyelamatkan bumi kita dari pencemaran alam sekitar yang berbahaya akibat dari pelupusan peranti elektronik secara tidak selamat.</p> <p>6. Kelebihan Program Eksplorasi Dashboard adalah untuk mendekatkan komuniti setempat agar lebih mengenali dan menggunakan aplikasi terbaru yang bermanfaat untuk tujuan komunikasi.</p> <p>7. Mesyuarat Kluster Pontian membantu dalam membina persefahaman dan kerjasama berpasukan yang menyeluruh dalam kalangan semua petugas PI1M seluruh Pontian.</p> <p>8. Kelebihan Program Jom Dashboard Komuniti Kluster adalah dapat mempromosi dan menghebahkan kesemua program yang terdapat dibawah kendalian SKMM, mempromosi perkhidmatan disediakan pusat internet 1Malaysia serta membina hubungan baik antara petugas dan komuniti.</p> <p>9. Kelebihan dashboard <i>online puzzle</i> adalah untuk menguji kemahiran menyelesaikan soalan <i>puzzle</i> secara atas talian secara tepat.</p> <p>10. Kelebihan aktiviti capan adalah menyediakan ruangan santai untuk peserta berkreativiti dan membuat kerja seni pada waktu senggang.</p>	
Name of VIP Nama VIP	-	
Name of guest VIP Nama tetamu daripada VIP	-	
Main execution Pelaksanaan aktiviti utama	<p>1. Peserta membuat kerja-kerja pengeditan video di PI1M Rambah dan kelas ini mengambil masa 2 jam.</p> <p>2. Kelas ICT warga emas mengambil masa lebih kurang 1 ½ jam di PI1M Rambah melibatkan aktiviti pengenalan media sosial komunikasi ‘facebook’ meliputi cara membuat akaun dan cara menggunakan media ini.</p>	


	<p>3. Masa selama 2 jam diperuntukkan oleh petugas untuk membimbing peserta membuat hirarki dengan tema ‘keluarga’ menggunakan Microsoft powerpoint di PI1M Rambah.</p> <p>4. Program Klik Dengan Bijak berlangsung di dewan terbuka Sek. Keb. Seri Bunian selama 1 ½ dengan pengisian taklimat dan kuiz.</p> <p>5. Taklimat Mobile E-Waste berlangsung di dewan terbuka Sek. Keb. Seri Bunian selama 1 jam dengan pengisian taklimat dan kutipan barang peranti telah rosak.</p> <p>6. Program Eksplorasi Dashboard yang berlangsung di PI1M Rambah dan mengambil masa selama 4 jam melibatkan aktiviti utama berkaitan dashboard dan aktiviti sampingan iaitu sukaneka mini.</p> <p>7. Mesyuarat kluster berlangsung di PI1M Rambah selama 3 ½ jam melibatkan pengurus-pengurus PI1M Pontian.</p> <p>8. Program Jom Dashboard Komuniti berlangsung selama 4 jam di Perpustakaan Jalur Lebar Pontian melibatkan pengunjung yang besar iaitu komuniti Pontian dan kakitangan agensi swasta dan kerajaan yang berhampiran.</p> <p>9. Aktiviti Dashboard Online Puzzle mengambil masa selama 1 jam sahaja di PI1M Rambah.</p> <p>10. Aktiviti capan berlangsung di PI1M Rambah dan mengambil masa selama 1 ½ jam.</p>	
Supporting activities Aktiviti Sokongan	-	
Other participants Peserta Lain	-	

Photo caption
Keterangan gambar



KELAS MEMBUAT VIDEO



KELAS ICT WARGA EMAS



KELAS ICT – HIRARKI



**PROGRAM KDB & TAKLIMAT E-WASTE
(SEKOLAH)**



PROGRAM EKSPLORASI DASHBOARD




MESYUARAT KLUSTER PONTIAN



**PROGRAM JOM DASHBOARD KOMUNITI
KLUSTER PONTIAN**



DASHBOARD ONLINE PUZZLE



	<u>AKTIVITI CAPAN</u> 	
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	-	
Translation Terjemahan	-	
Supporting documents Dokumen Sokongan	-	

**PLEASE SUBMIT YOUR WRITTEN REPORT & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE
CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT WITHIN ONE WEEK OF THE
EVENT**

**SILA KEMUKAKAN LAPORAN BERTULIS & GAMBAR-GAMBAR BERLANDASKAN
PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN HANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI
KANDUNGAN DALAM TEMPOH SEMINGGU SELEPAS ACARA / PROGRAM
BERLANGSUNG**